

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 16.11.2016

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan status permohonan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning II dan status permohonan untuk menambah bilik darjah oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning yang sedia ada oleh PIBG sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin dengan keperluan pendidikan menengah termasuk di kawasan Kota Kemuning, Selangor. KPM mengambil inisiatif merancang pembinaan bangunan tambahan SMK Kota Kemuning bagi menampung keperluan di kawasan tersebut. Permohonan bangunan tambahan 12 bilik darjah telah diluluskan menerusi *Rolling Plan 4* (RP4) RMKe-10. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama sekolah tersebut telah diluluskan bagi projek bangunan *Lightweight Build System (LBS)* berkapasiti 12 bilik darjah yang telah siap serah pada bulan Mei 2013. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor pada Ogos 2014 bersetuju untuk membuat pertukaran tapak baharu menggunakan peruntukan yang

telah diluluskan ke SMK Rantau Panjang, Klang bagi menampung keperluan bilik darjah yang kritikal di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning II akan dilaksanakan secara kaedah tukaran tanah. Projek ini telah berada di peringkat akhir perbincangan dan akan dibentangkan dalam Majlis Jemaah Menteri bagi kelulusan dan menandatangani perjanjian projek.

RJM56